



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN MULA BERKIBAR HARI INI

**KUALA LUMPUR , 17 Januari 2019 -** YB Tuan Haji Khalid bin Abd Samad, Menteri Wilayah Persekutuan turun padang bertemu warga kota bagi mengedarkan bendera tangan Wilayah Persekutuan sebagai tanda bermulanya Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan. Kempen ini diadakan sebagai *kick-off* kepada sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang akan disambut pada 1 Februari 2019.

Sebanyak 1,000 batang bendera tangan diedarkan di tiga lokasi terpilih iaitu di Bangunan MARA, Pusat Membeli-belah SOGO dan Berjaya Times Square kepada orang ramai. Menteri Wilayah Persekutuan turut menyerahkan bendera kepada wakil ahli-ahli parlimen, agensi kerajaan, sekolah-sekolah berhampiran dan juga agensi swasta. Bagi merancakkan pengibaran bendera Wilayah Persekutuan, sebanyak 35,000 helai bendera pelbagai saiz diedarkan secara percuma kepada premis-premis kerajaan, swasta, sekolah, taman perumahan, dan komuniti.

Kementerian menyeru agar semua warga Wilayah Persekutuan sama ada di Kuala Lumpur, Putrajaya mahupun Labuan untuk memulakan pemasangan dan mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di lokasi-lokasi yang bersesuaian sebagai tanda sokongan dan semangat cintakan Wilayah Persekutuan bermula hari ini sehingga pada 1 Mac 2019.

Sambutan Hari Wilayah Persekutuan mengangkat slogan “Sayangi Wilayahku” sebagai tema. Pemilihan tema ini seiring dengan integrasi nasional dan kesejahteraan yang akan menjadi penggerak utama bagi agenda memperkasakan perpaduan dalam kalangan lapisan masyarakat majmuk khususnya di Wilayah Persekutuan. Hubungan harmoni dan kerjasama antara pelbagai kaum merupakan kunci atau senjata utama untuk menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran supaya segala perancangan pembangunan Wilayah Persekutuan yang direncanakan oleh Kerajaan dapat mencapai matlamat yang dihasratkan.

Sebanyak 21 program akan dilaksanakan sepanjang bulan Februari ini sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019. Program-program tersebut disusun mengikut lima kluster utama iaitu Kluster Pengiktirafan, Kluster Mesra Rakyat, Kluster Sukan Dan Rekreasi, Kluster Ilmiah Dan Kerohanian dan Kluster Inisiatif Mensejahterakan Rakyat. Kesemua program yang dirancang ini meliputi seluruh lapisan umur masyarakat dari kanak-kanak, belia, orang dewasa, dan juga keluarga. Oleh itu, semua warga Wilayah Persekutuan dijemput hadir ke semua program yang bakal diadakan kelak.

**Disediakan oleh :**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**  
**[pro@kwp.gov.my](mailto:pro@kwp.gov.my)**